

NOTA KARANGAN PERBINCANGAN

UNSUR-UNSUR KARANGAN

1) PENDAHULUAN

Pendahuluan karangan perbincangan ialah *gambaran awal tentang apa yang ingin disampaikan*. Pelajar harus mengaitkan pendahuluan karangan perbincangan dengan tajuk soalan. Oleh itu, bahagian ini dianggap penting.

Terdapat tujuh jenis pendahuluan yang digunakan dalam penulisan karangan perbincangan, seperti contoh soalan yang bertajuk :

“Kesihatan lebih penting daripada kemewahan”

1. Pendahuluan jenis fakta

- Pendahuluan ini meminta pelajar *memberikan takrif, makna atau definisi* tentang sesuatu tajuk.
- Contohnya :

Konsep kesihatan meliputi aspek yang luas. Menurut apa yang dipersetujui semasa Persidangan Kesihatan Sedunia kali pertama pada tahun 1948, anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), kesihatan bermakna " sihat dari aspek fizikal, mental dan sosial, bukan sekadar bebas daripada penyakit, kecacatan atau kecederaan." Kini konsep kesihatan bukan sahaja melibatkan aspek fizikal mental dan sosial tetapi juga merangkumi emosi dan rohani. Kemewahan pula lebih merupakan sesuatu yang material seperti wang ringgit dan harta benda yang banyak. Kemewahan juga biasanya dikaitkan dengan status. Antara kedua-dua ini, kesihatan lebih mendatangkan kesejahteraan hidup maka ia lebih penting daripada kemewahan.

2. Pendahuluan jenis pendapat

- Pendahuluan jenis ini memuatkan *pendapat seseorang tokoh, pujangga atau pendapat masyarakat umum* tentang sesuatu isu.
- Contohnya:

Kata pujangga, "Harga atau nilai kesihatan, tidak diketahui kecuali orang-orang yang sakit." Ini kerana kesihatan yang hilang belum tentu boleh direbut kembali dengan ubat-ubatan yang mampu dibeli dengan wang ringgit yang banyak. Dalam mengejar impian kehidupan gaya moden yang penuh kemewahan, ramai yang terlupa bahawa kesihatan yang sempurna merupakan suatu kekayaan. Seperti kata Encik Richard Baker, "Demi kekayaan, usahlah dipertaruhkan kesihatan diri. Kerana kesihatan itu sebenarnya kekayaan yang paling kaya." Jelaslah bahawa kesihatan lebih penting daripada kemewahan.

3. Pendahuluan jenis peribahasa

- Pendahuluan jenis ini memuatkan sekurang-kurangnya *satu atau lebih peribahasa atau kata-kata hikmah yang sesuai* dengan kehendak soalan.
- Contohnya:

Kekayaan dan kemewahan belum tentu dapat menjamin kebahagiaan hidup. Pepatah Melayu ada mengatakan "orang yang bertanam pokok nyiur tak tentu ia dapat memakan buahnya." Ini adalah kerana orang yang menghimpunkan harta benda itu adakalanya tiada berfaedah bagi dirinya, lebih-lebih lagi jika ia tiada beroleh kesihatan. Kata orang, "jika hati tak senang, madu diminum dirasai cuka". Harta yang banyak sekalipun tidak akan dapat meredakan kesakitan yang dialami. Lantaran itu, tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa kesihatan lebih penting daripada kemewahan.

4. Pendahuluan jenis suasana

- Pendahuluan jenis ini menggambarkan sesuatu tajuk melalui suasana dan gambaran yang sesuai dan nyata.
- Contohnya:

Di pintu masuk pejabat, jelas tertera waktu pejabat telah lama berakhir. Namun, masih ramai lagi pekerja yang sibuk bekerja lebih waktu. Melembur sudah menjadi suatu kelaziman. Kos kehidupan yang tinggi dan impian mengejar status 5K(kad kredit, kereta, kondominium, kelab dan kerjaya) menyebabkan ramai orang yang mengabaikan kesihatan sendiri dan terus bekerja, tanpa mempedulikan waktu dan rehat. Anehnya, kadang kala yang dikumpulkan itu terpaksa dihabiskan di klinik rawatan kerana mereka jatuh sakit atau mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan. Begitulah gambaran kehidupan hari ini. Dalam kesibukan mencari kesenangan material, ramai orang terlupa bahawa kesihatan lebih penting daripada kemewahan.

5. Pendahuluan jenis latar belakang/sejarah

- Pendahuluan jenis ini menggariskan *latar belakang atau mengaitkan sesuatu peristiwa yang berlaku dahulu* dengan tajuk.
- Contohnya :

Semakin Singapura bertambah maju, semakin ramai warganya yang mengejar kemewahan sebagaimana yang terungkap dalam impian Singapura 5K(kad kredit, kereta, kondominium, kelab dan kerjaya). Kesannya, antara yang kurang dititikberatkan oleh mereka ialah kesihatan diri sehingga pemerintah Singapura telah melancarkan kempen Gaya Hidup Sihat Kebangsaan pada tahun 1992 demi memastikan seluruh masyarakat hidup dalam keadaan sihat, cergas, bertenaga dan berdaya maju. Lembaga Penggalak Kesihatan Singapura telah mengambil pendekatan berbilang objektif, yang termasuk mewujudkan sokongan masyarakat dan sekitaran fizikal, untuk merangsang orang ramai supaya mengamalkan kehidupan yang sihat. Langkah pemerintah menunjukkan bahawa asas kemakmuran negara ini bergantung kepada tenaga kerjanya yang sihat dan berdaya maju. Apa yang nyata bagi setiap individu adalah kesihatan lebih penting daripada kemewahan semata-mata.

6. Pendahuluan jenis perbincangan

- Untuk menulis pendahuluan jenis ini, pelajar perlu *mengemukakan beberapa ayat tanya sama ada berjawab atau tidak yang berkaitan dengan tajuk* yang diberi.
- Contohnya :

Setiap orang mempunyai banyak keinginan dan kemahuan di dunia ini. Antaranya, kuasa, kedudukan, kecantikan dan kemewahan. Sekiranya kita akan dikurniakan hanya satu permintaan, apakah yang akan kita minta? Jika kita harus memilih antara kesihatan dan kemewahan, yang manakah yang akan kita pilih? Bagaimanakah harus kita mempertimbangkannya? Persoalannya, apakah yang kita anggap lebih penting bagi diri kita - kesihatan atau kemewahan?

7. Pendahuluan jenis gabungan

- Pelajar *menggabungkan dua jenis pendahuluan*, misalnya fakta dan perbincangan.
- Contohnya:

Konsep kesihatan bukan sahaja sekadar bebas daripada penyakit, kecacatan atau kecederaan tetapi melibatkan aspek fizikal mental, emosi, rohani dan sosial. Kemewahan pula lebih merupakan sesuatu yang material seperti wang ringgit dan harta benda yang banyak biasanya dikaitkan dengan status. Jika kita harus memilih antara kesihatan dan kemewahan, yang manakah yang akan kita pilih? Bagaimanakah harus kita mempertimbangkannya? Persoalannya, apakah yang kita anggap lebih penting bagi diri kita - kesihatan atau kemewahan?

2 PEMERENGKANAN

Masalah pemerenggan agak ketara dalam penulisan para pelajar. Masih ramai pelajar yang memulakan perenggan yang baru secara sewenang-wenangnya. Sepatutnya, perenggan yang baru dimulakan jika berlaku:

1. peralihan dari satu isi kepada satu isi yang baru
2. perubahan kepada situasi yang dibincangkan
3. perubahan kepada pendekatan (baik "lawan" buruk)

Susunan isi dalam perenggan

Dalam membentuk sesebuah perenggan, *sebaik-baiknya setiap perenggan mempunyai satu isi sahaja*. Jangan mencampuradukkan beberapa fakta dalam satu perenggan supaya tidak mengganggu tumpuan pembaca. Setiap perenggan yang lengkap mesti disertakan isi penting, huraian dan contoh yang sesuai.

Terdapat tiga jenis perenggan bagi membina isi, iaitu :

(a) Perenggan deduktif

- perenggan jenis ini mendahulukan isi penting. Kemudian, diikuti dengan huraian isi dan contoh.

Isi penting (Ayat judul – Idea utama)
Huraian Isi (Ayat Huraian – Penjelasan)
Contoh-contoh (Ayat Bukti – pengukuhan)

- Contoh :

(Ayat Judul) Kesihatan tidak boleh dijual beli. (Ayat Huraian) Ramai yang beranggapan bahawa wang yang banyak membolehkan kita memiliki segala-galanya tetapi tanggapan ini salah kerana kesihatan itu tidak ternilai harganya. (2 Ayat Bukti) Wang yang banyak tidak dapat menyelamatkan seseorang dari cengkaman maut apabila dia menghidap penyakit AIDS atau barah. Mungkin wang boleh mendapatkannya rawatan terbaik di dunia tetapi apalah gunanya kemewahannya itu jika dia harus menantikan maut.

(b) Perenggan induktif

- Perenggan ini mendahulukan huraian tentang isi, seterusnya diikuti dengan isi penting dan contoh-contoh pada akhir perenggan.

Huraian Isi (Ayat Huraian – Penjelasan)
Isi Penting (Ayat Judul – Idea Utama)
Contoh-contohnya (Ayat Bukti – Pengukuhan)

- Contoh :

(Ayat Huraian) Ramai yang beranggapan bahawa wang yang banyak membolehkan kita memiliki segala-galanya tetapi tanggapan ini salah kerana kesihatan itu tidak ternilai harganya. (Ayat judul) Kesihatan tidak boleh dijual beli. (2 Ayat Bukti) Wang yang banyak tidak dapat menyelamatkan seseorang dari cengkaman maut apabila dia menghidap AIDS atau barah. Mungkin wang boleh mendapatkannya rawatan terbaik di dunia tetapi apalah gunanya kemewahannya itu jika dia harus menantikan maut.

(c) Perenggan gabungan deduktif dan induktif

- Kaedah ini pula membenarkan isi penting wujud di awal perenggan dan diulang di akhir perenggan untuk memberi penekanan.

Isi penting (Ayat judul – Idea Utama)

Huraian Isi (Ayat Huraian – penjelasan)

Contoh-contoh (Ayat Bukti – Pengukuhan)

Isi penting (Pengulangan dengan memparafrasa)

- Contoh:

(Ayat judul) Kesihatan tidak boleh dijual beli. *(Ayat Huraian)* Ramai yang beranggapan bahawa wang yang banyak membolehkan kita memiliki segala-galanya tetapi tanggapan ini salah kerana kesihatan itu tidak ternilai harganya. *(2 Ayat Bukti)* Wang yang banyak tidak dapat menyelamatkan seseorang dari cengkaman maut apabila dia menghidap meyakit AIDS atau barah. Mungkin wang boleh mendapatkannya rawatan terbaik di dunia tetapi apalah gunanya kemewahannya itu jika dia harus menantikan maut. *(Pengulangan isi penting)* Kesihatan bukanlah sesuatu yang boleh didapati di pasaran.

Tautan dalam perenggan atau di antara perenggan

Kata penanda wacana merupakan *kata atau rangkai kata yang menjadi jambatan atau penghubung idea* dalam penulisan *untuk menghasilkan penceritaan yang lebih jelas*. Kekata itu menjadi penanda kepada pembaca bahawa pelajar/penulis sedang membuat perbandingan, membuat kesimpulan, memberi contoh, menunjukkan urutan masa, dan sebagainya.

Dalam bahasa Melayu, kita dapat membahagikan kata penanda wacana/transisi kepada beberapa kategori berdasarkan fungsinya. Contohnya :

a. Penanda tambahan:

Selain itu, tambahan pula, lagi pun, dan juga

b. Penanda akibat:

dengan demikian, oleh itu, sebagai akibatnya, jadi, lantas, justeru, lantaran itu

c. Penanda contoh atau ilustrasi:

misalnya, umpamanya, contohnya, khususnya, terutamanya, seperti kata

d. Penanda keterangan atau penjelasan

dengan kata lain, ringkasnya, tegasnya, sebenarnya, jelaslah bahawa, seperti mana yang diketahui, yakni, iaitu

- e. **Penanda kesimpulan**
akhirnya, kesimpulannya, ringkasnya, pada keseluruhannya
- f. **Penanda masa/waktu dan urutan**
pertamanya, keduanya, berikutnya, kemudian, kini, sekarang, lazimnya, keesokannya, pada masa itu, selepas itu, pada ketika itu, seterusnya, pada masa sekarang ini, beralih ke hujah selanjutnya, bertolak dari situ.
- g. **Penanda perbandingan**
Sebagai perbandingan, demikian juga dengan
- h. **Penanda sebaliknya/perbandingan alternatif**
namun demikian, walau bagaimanapun, sebaliknya, tetapi, namun, jika tidak
- i. **Penanda kesimpulan**
Akhirnya, kesimpulannya, ringkasnya, pada keseluruhannya, natijahnya

Contoh penggunaan Penanda Wacana

Kata pujangga, "Harga atau nilai kesihatan, tidak diketahui kecuali orang-orang yang sakit." Ini kerana kesihatan yang hilang belum tentu boleh direbut kembali dengan ubat-ubatan yang mampu dibeli dengan wang ringgit yang banyak. Dalam mengejar impian kehidupan gaya moden yang penuh kemewahan, ramai yang terlupa bahawa kesihatan yang sempurna merupakan suatu kekayaan. Seperti kata Encik Richard Baker, "Demi kekayaan, usahlah dipertaruhkan kesihatan diri. Kerana kesihatan itu sebenarnya kekayaan yang paling kaya." **Maka jelaslah** bahawa kesihatan lebih penting daripada kemewahan.

Lazimnya, ramai orang beranggapan bahawa wang yang banyak membolehkan kita memiliki segala-galanya tetapi tanggapan ini salah. Kesihatan tidak boleh dijual beli. Wang yang banyak tidak dapat menyelamatkan seseorang dari cengkaman maut apabila dia menghidap penyakit AIDS atau barah. Mungkin wang boleh mendapatkan rawatan terbaik di dunia tetapi apakah gunanya kemewahannya itu jika dia harus menanggung kesakitan. **Dengan kata lain**, kesihatan bukanlah sesuatu yang boleh didapati di mana-mana pasaran.

Beralih ke hujah selanjutnya, kekayaan belum tentu menjamin kebahagiaan. Ini adalah kerana banyak lagi faktor lain yang turut menentukan kebahagiaan seperti kasih sayang daripada keluarga, teman atau pasangan, kepuasan diri dan ketenangan jiwa. Semua ini tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Dapatkah seseorang insan yang seseorang itu membeli kasih sayang yang sejati? Demikian juga halnya dengan ketenangan jiwa. Bolehkah seseorang itu tidur lena jika harus memikirkan cara untuk membuat duit atau meraih keuntungan sepanjang masa?

Untuk mengejar kemewahan, ramai yang sanggup mengabaikan kesihatan diri. **Malah**, tidak kurang juga yang sanggup menggadaikan waktu bersama keluarga atau menyetepikan hubungan dengan orang lain asalkan membawa pulang wang yang lebih. **Sebaliknya**, kelebihan yang diperolehinya itu tidak bermakna jika terpaksa dihabiskan di klinik rawatan kerana

jatuh sakit atau mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan. Tambahan pula, wang yang banyak juga tidak akan dapat mengisi kekosongan jiwa atau memulihkan keretakan rumah tangga.

3) PENUTUP

Sesebuah karangan dianggap *tidak lengkap* jika tiada penutup atau kesimpulan. Penutup merupakan kesimpulan terhadap pendapat yang telah dikemukakan. Penutup juga mencerminkan sikap dan pandangan pelajar/penulis terhadap tajuk. Oleh itu, penutup harus dirancang dengan teliti. Elakkan daripada mengakhiri karangan secara mendadak.

Perenggan kesimpulan perlu mengandungi perkara-perkara berikut :

*Kesimpulan/Rumusan
Cadangan
Harapan
Pendirian/Penegasan*

Contoh :

(Kesimpulan/Rumusan) Daripada apa yang telah diperkatakan, jelaslah bahawa kesihatan dapat melahirkan kesejahteraan hidup yang lebih menyeluruh berbanding dengan kemewahan yang bersifat kebendaan. (Cadangan) Kesedaran tentang peri pentingnya kesihatan ini dapat dilakukan menerusi media massa dan saluran-saluran lain seperti kumpulan akar umbi dan badan-badan memasyarakatkan yang serupa. (Harapan) Ini perlu agar lebih ramai warga Singapura akan menitikberatkan kesihatan daripada mengejar kekayaan semata-mata. (Penegasan) Sesungguhnya, kesihatan itu lebih penting daripada kemewahan.

KELEMAHAN PELAJAR DALAM KARANGAN PERBINCANGAN

Berikut ialah kelemahan-kelemahan umum pelajar :

- **Gagal merujuk kepada soalan** – isi karangan harus menepati kehendak soalan/ menjawab atau menyentuh kekata kunci dalam soalan
- **Kekurangan isi** – sekurang-kurangnya harus berikan 5 fakta yang diuraikan dengan lengkap
- **Mengemukakan fakta-fakta yang tidak sahih dan boleh dipertikaikan kebenarannya** – fakta-fakta yang diberi mestilah logik dan munasabah
- **Perbincangan persembahan yang tidak rapi/ susunan idea yang berkecamuk** – gunakan pendekatan yang jelas
- **Laras bahasa yang salah** – ini bukan karangan cerita. Penulisan karangan perbincangan lebih bersifat objektif

- **Bahasa yang lemah** – bahasa harus lancar ; tiada kesalahan bahasa; penggunaan kosa kata yang tepat dan sesuai dengan kemampuan bahasa yang sepatutnya dicapai oleh pelajar Menengah 4/5
- **Ayat-ayat yang kabur, taksa, longgar atau terlalu panjang** – ayat-ayat yang digunakan haruslah jelas dalam penyampaian maksud atau mesejnya
- **Tiada penutup yang sempurna atau penutup yang diberi tidak berkesan** – fungsi penutup adalah untuk menegaskan pandangan terhadap tajuk.

Perhatikan ketidaktepatan fakta dalam kenyataan-kenyataan berikut:

1. Semua remaja hari ini gemar membaca majalah hiburan.
2. Remaja yang gemar membeli barangan yang berjenama adalah remaja yang nakal dan menganggotai kumpulan samseng remaja.
3. Ibu bapa hanya mementingkan kerja-kerja sahaja dan tidak mempedulikan apa sahaja yang anak-anak mereka lakukan di sekolah mahupun di luar sekolah.
4. Dahulu, orang yang berkomunikasi dengan penggunaan bahasa halus, tetapi sekarang, kebanyakan akan menggunakan bahasa kasar.
5. Ibu bapa yang agak tua akan bersikap kekampungan, tetapi anak remaja ini semanya bersikap kemodenan.

Perhatikan kesalahan gaya atau laras bahasa dalam penulisan berikut :-

Sebaik sahaja aku menjejakkan kaki ke rumah, aku terus meluru masuk ke dapur dan membuka peti ais untuk mengambil sebotol air bagi melegakan tekakku yang dahaga. Bebola mataku terus tertumpu kepada sekeping nota di pintu peti ais itu.

“ Mama terpaksa melembur lagi hari ini”

Kemarahanku membuak-buak bagaikan lahar menyala. Beginikah caranya mama melayani aku? Selagi matahari belum terbenam, selagi itu aku tidak akan melihat wajahnya. Apalah yang kurang lagi dalam hidup kami sehingga mama harus bertungkus-lumus mencari wang yang banyak? Pangsapuri? Kereta BMW? Kelab eksklusif? Semuanya kami miliki. Persoalan yang menghantui benakku adalah mengapakah mama begitu mengejar kemewahan sehingga sanggup mengetepikan masa bersama keluarga malah mengabaikan kesihatannya sendiri?

Kesalahan-kesalahan sedemikian akan menyebabkan potongan markah isi dan bahasa.